



KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

SEJARAH

1249/1

Kertas 1

1 jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. **Kertas jawapan objektif** hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas peperiksaan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

- 1 Bagaimanakah kemunculan sesebuah kerajaan berlaku pada zaman Kesultanan Melayu Melaka?
- A Penggubalan undang-undang
 - B Pengiktirafan wilayah naungan
 - C Kemunculan golongan pembesar
 - D Kewujudan raja yang berdaulat

- 2 Golongan pemerintah terdiri daripada sultan, kerabat diraja dan pembesar. Apakah peranan pembesar sebagai golongan pemerintah?
- A Menghadiri majlis-majlis umum
 - B Memperkenalkan undang-undang
 - C Menjadi perantara antara sultan dengan rakyat
 - D Bertanggungjawab terhadap kestabilan kerajaan

- 3 Maklumat berikut berkaitan dengan isu kasut di Burma.

Orang Inggeris memakai kasut semasa memasuki kuil Buddha di Burma.

Apakah kesan isu tersebut?

- A Membangkitkan semangat nasionalisme
- B Mengukuhkan pengaruh penjajah
- C Meningkatkan kuasa bangsawan
- D Mencetuskan pembaharuan adat

4

Perkembangan nasionalisme dalam dan luar negara telah menyemarakkan pergerakan nasionalisme di negara kita.

Apakah kesan perkembangan tersebut kepada perjuangan intelektual di negara kita?

- A Penentangan secara sulit
 - B Penubuhan persatuan-persatuan
 - C Kemunculan persaudaraan sejagat
 - D Kewujudan perlembagaan setiap negeri
- 5 Antara berikut yang manakah faktor Perang Dunia Pertama?
- I Perebutan kuasa
 - II Krisis rantau Balkan
 - III Pakatan ketenteraan
 - IV Pengeboman Pearl Harbour
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 6 Jepun ingin mengeksploitasi kekayaan bahan mentah di negara kita bagi keperluan perindustrian dan operasi ketenteraan Jepun.
Apakah rancangan Jepun untuk mengukuhkan ekonominya?
- A Menanamkan semangat antipenjajah Barat
 - B Mengusir penjajah di negara-negara Asia Tenggara
 - C Mengenakan sekatan ekonomi terhadap pihak Bersekutu
 - D Membentuk kawasan Lingkungan Sekemakmuran Asia Timur Raya

- 7 Rajah berikut menunjukkan perubahan pentadbiran British di Tanah Melayu.



Mengapakah British melakukan perubahan tersebut?

- A Melicinkan pentadbiran
 - B Menyeragamkan sistem cukai
 - C Meningkatkan ekonomi orang Melayu
 - D Memperkukuhkan pemerintahan beraja
- 8 Bantahan rakyat terhadap Malayan Union dilaksanakan melalui akhbar, cendekiawan, persatuan Melayu, kongres dan perhimpunan besar-besaran.
Apakah akhbar yang menyuarakan bantahan tersebut?
- A *Warta Malaya*
 - B *Utusan Melayu*
 - C *The Malay Mail*
 - D *Fajar Sarawak*

- 9 Pada 1 Februari 1948, Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan secara rasmi setelah Raja-raja Melayu menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Apakah faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948?

- I Ketidakpuasan hati terhadap British
 - II Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO
 - III Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union
 - IV Kegagalan British mentadbir Malayan Union
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Mereka yang lahir di Melaka, Pulau Pinang dan mana-mana tanah jajahan British yang lain.

Apakah status kerakyatan tersebut?

- A Rakyat negeri naungan British
- B Rakyat Negeri-negeri Selat
- C Rakyat Raja Melayu
- D Rakyat British

11 Maklumat berikut berkaitan dengan ancaman komunis di negara kita.

Pada 16 Jun 1948, komunis telah membunuh tiga orang pengurus ladang Eropah di Sungai Siput, Perak.

Apakah tindakan British selepas peristiwa tersebut?

- A Mendesak komunis serah diri
- B Memperkenalkan kad pengenalan
- C Melumpuhkan ekonomi komunis
- D Mengisytiharkan Undang-Undang Darurat

12 Min Yuen beroperasi pada sebelah malam dan bergerak dalam kalangan rakyat.

Apakah tujuan PKM menubuhkan Min Yuen?


- A Membekalkan makanan dan wang
- B Menyebarkan ideologi komunis
- C Meminjam kesatuan sekerja
- D Melatih kader-kader baharu

13 Antara berikut, yang manakah peranan Sistem Ahli?

- I Melatih orang tempatan untuk berkerajaan sendiri
- II Meningkatkan keseimbangan pembangunan dan sosioekonomi negara
- III Mencadangkan sistem pendidikan yang seragam
- IV Memberi pendedahan kepada penduduk untuk belajar mentadbir

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV


14 Berikut adalah logo Parti Perikatan pada tahun 1954.



Apakah maksud logo tersebut?

- A Mengemudi rakyat ke arah kemajuan
- B Kesediaan menempuh cabaran
- C Perjuangan bersifat sederhana
- D Persiapan ke arah berkerajaan sendiri

15 Carta menunjukkan proses Pilihan Raya MPP 1955.




Apakah X?

- A Kempen pilihan raya
 - B Hari mengundi
 - C Pendaftaran pengundi
 - D Menetapkan lambang
- 16 Apakah isu yang menjadi pertikaian antara Jawatankuasa Pilihan Raya dengan pemimpin Parti Perikatan dalam menjalankan Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)?
- A Pelantikan wakil golongan minoriti
 - B Penetapan bilangan ahli MPP yang dipilih
 - C Menetapkan tarikh pilihan raya
 - D Menetapkan tempoh masa berkempen
- 17 Berikut adalah memorandum yang dikemukakan oleh Parti Perikatan.

Testament Amanah Politik Perikatan

Apakah perkara yang menjadi isu penting dalam memorandum tersebut?

- A Kerjasama parti politik
 - B Soal kewarganegaraan
 - C Pendidikan vernakular
 - D Kedudukan Raja-raja Melayu
- 18 Rajah berikut menunjukkan jenis kerakyatan dalam Persekutuan Tanah Melayu 1957.




Apakah X?

- A Naturalisasi
- B Penempatan
- C Perkahwinan
- D Sementara

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 19 Jawatankuasa persediaan fizikal telah dibentuk untuk menguruskan sambutan kemerdekaan negara. Apakah bentuk persediaan jawatankuasa ini?
- A Memasang lampu hiasan
 - B Menempah bendera kebangsaan
 - C Menganjurkan kursus protokol
 - D Membina tempat sambutan
- 20 Gambar menunjukkan Majlis Pertabalan Yang di-Pertuan Agong yang pertama pada 2 September 1957.



- Mengapakah peristiwa tersebut dianggap penting kepada negara?
- A Lambang keselamatan negara
 - B Yang di-Pertuan Agong ketua negara
 - C Kebebasan negara dalam pentadbiran
 - D Mengekalkan kemakmuran negara
- 21 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri-ciri negara yang berdaulat.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• X• Sempadan• Perundangan• Pemerintahan |
|---|

Apakah X?

- A Rakyat
 - B Ketua negara
 - C Lambang negara
 - D Kerajaan
- 22 Malaysia mengamalkan sikap bersahabat dengan banyak negara di peringkat antarabangsa. Mengapakah Malaysia mengamalkan sikap tersebut?
- A Menguasai sistem ekonomi dunia
 - B Menunjukkan kekuatan kepada kuasa besar
 - C Menerima pengiktirafan antarabangsa
 - D Memiliki tentera yang berdisiplin

- 23 Apakah tujuan British memperkenalkan Charter of Justice di Negeri-negeri Selat?
- A Mengukuhkan perpaduan
 - B Menunjukkan kekuatannya
 - C Melindungi penduduk asal
 - D Menghapuskan kuasa raja
- 24 Apakah kedudukan bahasa Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan?
- A Bahasa pendidikan
 - B Bahasa kebangsaan
 - C Bahasa istana
 - D Bahasa utama
- 25 Berikut adalah majlis yang dibentuk selepas penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu 1897.

Durbar

Apakah fungsi majlis tersebut?

- A Membincangkan hal agama dan adat
 - B Membincangkan hal ehwal pentadbiran
 - C Menggubal undang-undang persekutuan
 - D Melantik ahli Jemaah Menteri persekutuan
- 26 Pernyataan berikut berkaitan hak asasi dalam Perlembagaan Persekutuan.

Kebebasan Bersuara, Berhimpun dan Berpersatuan

Setiap warganegara berhak kepada kebebasan bersuara, berhimpun secara aman dan membentuk persatuan.

Mengapakah kebebasan asasi tersebut tidak bersifat mutlak?

- A Tertakluk kepada Akta Parlimen
 - B Perkenan Yang di-Pertuan Agong
 - C Terikat kelulusan Dewan Undangan Negeri
 - D Tapisan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia
- 27 Maklumat berikut berkaitan dengan kuasa Kerajaan Negeri bagi Sarawak dan Sabah.

- Senarai Negeri
- Senarai Bersama
- Peruntukan tambahan

Mengapakah peruntukan tambahan diberikan kepada negeri tersebut?

- A Mengelak penggubalan undang-undang baharu
- B Menyesuaikan kemasukan negeri berkenaan ke dalam Malaysia
- C Memudahkan pengurusan kawasan tempatan di Sabah dan Sarawak
- D Membentuk Kerajaan Pusat yang kuat dan berwibawa

- 28 Kerajaan telah menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) pada tahun 1956. Mengapakah agensi tersebut ditubuhkan?
- A Menyusun semula masyarakat
 - B Mempelbagaikan hasil pertanian
 - C Meningkatkan kemajuan ekonomi
 - D Membangunkan tanah baharu
- 29 Apakah cadangan Tunku Abdul Rahman terhadap idea pembentukan Malaysia?
- A Menggabungkan Tanah Melayu dengan Indonesia
 - B Mengasingkan Singapura dalam pembentukan Malaysia
 - C Mengutamakan Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia
 - D Menggabungkan Tanah Melayu, Sarawak, Sabah, Singapura dan Brunei
- 30 Beberapa orang pemimpin Persekutuan Tanah Melayu terlibat dalam lawatan rombongan ke Sarawak dan Sabah. Apakah matlamat lawatan rombongan tersebut?
- I Menjelaskan tujuan rancangan pembentukan Malaysia
 - II Menunjukkan kesepakatan ahli politik di Tanah Melayu
 - III Mengatur rancangan serangan balas terhadap Indonesia
 - IV Meninjau perkembangan ekonomi di kawasan pedalaman
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 31 Apakah faktor yang mendorong pemisahan Singapura daripada Malaysia?
- I Dipengaruhi negara jiran
 - II Hak sama rata untuk semua kaum
 - III Pembukaan pasaran bersama
 - IV Kemelesetan ekonomi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 32 Dialog berikut menggambarkan situasi ancaman komunis di Sarawak.

A : Tuan, komunis mula membunuh orang awam di negeri ini.

B : Ya, benar. Kerajaan Malaysia telah berusaha mengatasi ancaman tersebut.

Apakah usaha yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia dalam mengatasi ancaman tersebut?

- A Akta Keselamatan Dalam Negeri
- B Perjanjian Sempadan
- C Operasi Hammer
- D Majlis Gerakan Negara

33 Slogan berikut dilancarkan pada tahun 1960 untuk mengukuhkan martabat bahasa Melayu.



Bagaimanakah bahasa Melayu dapat dimartabatkan sebagai bahasa rasmi dan bahasa ilmu?

- A Pengenalan Dasar Kebudayaan Kebangsaan
- B Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka
- C Penubuhan institusi pengajian tinggi swasta
- D Pengenalan institusi pendidikan antarabangsa

34 Gambar berikut berkaitan dengan Sukan Malaysia (SUKMA).



Apakah tujuan sukan tersebut diadakan?

- A Memantapkan ekonomi negara
- B Memperkukuh perpaduan rakyat
- C Memajukan industri pelancongan
- D Mengimbangi ekonomi antara kaum

35 Logo berikut berkaitan dengan agensi kerajaan dalam bidang pertanian.



Bagaimanakah agensi tersebut membantu petani?

- A Pembukaan tanah
- B Penubuhan koperasi
- C Penyelidikan biji benih
- D Pengukuhan harga padi

- 36 Apakah matlamat kerajaan memperkenalkan Dasar Pembangunan Nasional pada tahun 1991?
- A Menyeragamkan sistem kewangan negara
 - B Menyekat kemasukan imigran ke negara kita
 - C Memperkukuhkan pasukan keselamatan negara
 - D Mencapai perpaduan negara melalui agihan kekayaan
- 37 Apakah tujuan Malaysia melaksanakan dasar luar?
- A Menguasai negara serantau
 - B Memperkuatkan pasukan tentera
 - C Melindungi kepentingan nasional
 - D Menyaingi kuasa besar dunia
- 38 Apakah matlamat penubuhan PBB?
- A Mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia
 - B Mencampuri urusan politik negara miskin
 - C Menetapkan dasar negara-negara ahli
 - D Memaksa bantuan negara maju kepada negara mundur
- 39 Logo berikut adalah milik pertubuhan serantau di Asia Tenggara.



Apakah moto pertubuhan tersebut?

- A Kemajuan
 - B Kehebatan
 - C Keamanan
 - D Kekuasaan
- 40 Apakah desakan Malaysia kepada PBB dalam isu Antartika?
- A Melakukan penyelidikan saintifik di Antartika
 - B Melarang sebarang bentuk aktiviti pelancongan
 - C Memelihara khazanah alam flora daripada pupus
 - D Menjadikan Antartika warisan manusia sejagat

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT



NO. PENGENALAN DIRI

--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--

KERTAS MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2025

SEJARAH

Kertas 2

2 jam 30 minit

1249/2

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nombor pengenalan diri dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
3. *Jawapan hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas peperiksaan ini.*
4. *Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

**B. CALON BERKEPERLUAN
PENDIDIKAN KHAS**

- A MASALAH PEMBELAJARAN
- B KURANG UPAYA PENGLIHATAN (BUTA)
- C KURANG UPAYA PELBAGAI
- D KURANG UPAYA PERTUTURAN
- F KURANG UPAYA FIZIKAL
- P KURANG UPAYA PENDENGARAN
- R KURANG UPAYA PENGLIHATAN (RABUN)

**UNTUK DIISI OLEH
KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN**

**C. BAGI CALON KES KHAS
HITAMKAN RUANG BERKENAAN**

- MENUMPANG TERCICIR
- BANTAHAN HADIR TIDAK MENJAWAB

NO. PUSAT MENUMPANG

**D. CALON YANG MEMERLUKAN KEMUDAHAN
ATAU PERALATAN TAMBAHAN**

- JURUTULIS PEMBACA SOALAN DAN JURUTULIS
- GURU PENDAMPING KOMPUTER

**E. BAGI CALON TIDAK HADIR
HITAMKAN DAN ISIKAN RUANG INI**

- TIDAK HADIR

NAMA KETUA PENGAWAS PEPERIKSAAN	TANDATANGAN
---------------------------------	-------------

Kertas peperiksaan ini mengandungi 14 halaman bercetak.

Bahagian A
[40 markah]
Jawab semua soalan.

1 Kesatuan Melayu Muda (KMM) telah bekerjasama dengan Jepun untuk mendapat kemerdekaan Tanah Melayu.

(a) Bagaimanakah reaksi Jepun terhadap kesatuan tersebut?

.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(b) Jelaskan organisasi *Giyu Gun* semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(c) Pada pandangan anda, mengapakah Kesatuan Melayu Muda tidak berjaya dalam mencapai matlamat perjuangan politiknya?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2. Pemerksaan pasukan keselamatan merupakan salah satu usaha menangani ancaman komunis.

(a) Senaraikan tiga pasukan keselamatan polis yang ditubuhkan oleh British untuk membanteras kegiatan komunis.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

(b) Terangkan tugas pasukan keselamatan tentera berikut:

(i) Pasukan Askar Melayu

.....

.....

(ii) Pasukan Askar Komanwel

.....

.....

(iii) Sarawak Rangers

.....

.....

[3 markah]

(c) Kegagalan Parti Komunis Malaya menguasai Tanah Melayu merupakan satu kejayaan besar buat British?

Berikan pandangan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

3 Pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri bertujuan melicinkan perjalanan sistem Persekutuan serta mengelakkan permasalahan antara kedua-dua peringkat kerajaan.

(a) Nyatakan perkara yang terkandung dalam Senarai Negeri.

.....
.....
.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Kerajaan Tempatan lebih dikenal sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Jelaskan fungsi Kerajaan Tempatan.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Bagaimanakah sistem Persekutuan dapat membentuk pentadbiran yang kukuh di negara kita?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

4 Senarai berikut merujuk kepada cabaran yang dihadapi negara kita hingga kini.

- Pelarian
- Pendatang asing tanpa izin (PATI)

(a) Apakah faktor penarik kepada kedatangan pelarian dan PATI ke negara kita?

.....

.....

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Bagaimanakah implikasi kemasukan golongan pelarian dan PATI terhadap negara kita?

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

(c) Beri cadangan anda untuk membendung isu kemasukan pelarian dan PATI tersebut.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

- 5 Berikut merupakan ilustrasi kesibukan pelabuhan Melaka.



- (a) Jelaskan faktor yang membolehkan pelabuhan Melaka menjadi tumpuan pedagang luar. [4 markah]
- (b) Bagaimanakah Undang-Undang Laut Melaka memantapkan lagi kegiatan perdagangan di Melaka? [8 markah]
- (c) Petikan berikut berkaitan langkah kerajaan Malaysia membangunkan pelabuhan di Malaysia.

Pelabuhan Klang: Kerajaan Malaysia kini dalam proses untuk membangunkan bandar pelabuhan di Pulau Carey yang terletak berdekatan Pelabuhan Klang. Dua terminal Pelabuhan Klang, iaitu Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Barat masing-masing mampu mengendalikan kontena yang banyak. Pelan tindakan telah dibuat bagi mengurangkan kesesakan di Pelabuhan Klang termasuk pemeriksaan kontena berganda. Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Wee Ka Siong berkata, sebelum ini pelabuhan itu sesak ekoran berdepan dengan dua isu utama termasuk kekurangan pengangkutan dan kontena. Antara agensi terlibat dalam pelaksanaan langkah-langkah proaktif itu termasuklah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin, Pemeriksaan Malaysia (MAQIS).

Sumber: [Berita harian.com.my/taxonomy/term/5/2017/04/268386/Pelabuhan-klang-nadi-pembangunan-ekonomi-perdagangan](http://Berita.harian.com.my/taxonomy/term/5/2017/04/268386/Pelabuhan-klang-nadi-pembangunan-ekonomi-perdagangan)

Jelaskan usaha yang boleh diambil oleh kerajaan Malaysia untuk membangunkan pelabuhan tempatan agar mampu mengendalikan perdagangan maritim antarabangsa. [8 markah]

- 6 Ordinan Pilihan Raya Pihak Berkuasa Tempatan diwujudkan pada tahun 1950 yang memberikan kuasa kepada majlis tempatan untuk mengadakan pilihan raya.

Sumber: Buku teks *Sejarah Tingkatan 4*, muka surat 196

- (a) Jelaskan tujuan pilihan raya peringkat majlis perbandaran berikut:
- (i) Majlis Perbandaran George Town 1951 [4 markah]
 - (ii) Majlis Perbandaran Kuala Lumpur 1952 [4 markah]
- (b) Pilihan Raya Majlis Perbandaran Kuala Lumpur 1952 menunjukkan Parti Perikatan memenangi sembilan kerusi daripada 12 kerusi yang dipertandingkan.
Mengapakah perkara ini berlaku? [6 markah]
- (c) Pada pandangan anda, apakah kepentingan pilihan raya kepada sesebuah negara? [6 markah]
- 7 Raja-raja Melayu, pemimpin yang dipilih rakyat dan pihak British telah mengadakan beberapa rundingan dalam usaha merintis jalan ke arah kemerdekaan.
- (a) Apakah tindak balas Raja-raja Melayu dan wakil Parti Perikatan semasa rundingan kemerdekaan? [6 markah]
- (b) Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu pada 8 Februari 1956 adalah kejayaan rundingan merdeka antara British dengan perwakilan Tanah Melayu.
Apakah perkara yang disepakatkan dalam rundingan tersebut? [6 markah]
- (c) Permuafakatan, toleransi dan kerjasama sesama rakyat berbilang kaum akan membawa kejayaan.
Jelaskan. [8 markah]
- 8 Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengumumkan pembentukan Malaysia pada 27 Mei 1961.
- (a) Nyatakan reaksi awal terhadap gagasan Malaysia.
- (i) Persekutuan Tanah Melayu [2 markah]
 - (ii) Singapura [2 markah]
- (b) Pengumuman pembentukan Malaysia telah mendapat pelbagai maklum balas dan reaksi negara jiran.
Huraikan reaksi awal negara jiran terhadap gagasan Malaysia. [8 markah]
- (c) Pada pendapat anda, mengapakah terdapat pelbagai reaksi yang berbeza dalam pembentukan Malaysia? [8 markah]

- 9 Rangka Rancangan Jangka Panjang Pertama (RRJP1) dan Dasar Ekonomi Baru (DEB) berakhir pada tahun 1990. Dalam tempoh pelaksanaan DEB, iaitu pada 1970–1990, ekonomi Malaysia berkembang dengan pesat dan kejayaan menyeluruh telah dicapai. Usaha yang dilaksanakan melalui DEB diteruskan pula oleh Dasar Pembangunan Nasional (DPN).
- (a) Huraikan objektif DPN. [3 markah]
- (b) Jelaskan langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mencapai objektif DPN. [9 markah]
- (c) Pada pandangan anda, apakah tanggungjawab yang perlu dipikul oleh rakyat negara ini agar dapat meningkatkan taraf hidup dan pendapatannya? [8 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT